# Dalam 'tiris' kepanasan

**Oleh Mohd Nasif Badruddin, Hairulazim Mahmud, Amir Abd Hamid, Yusmizal Dolah Aling dan Rizanizam Abdul Hamid**
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang menjalankan kajian terperinci mengenai beras ST15 sama ada ia perlu dihentikan atau ditambah baik mekanismenya.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, ini kerana sejak program itu dilaksanakan kementeriannya ada menerima aduan berhubung beberapa masalah berlaku.

Katanya, walaupun beberapa tindakan sudah diambil kementerian termasuk menghentikan lesen pihak terbabit, namun masih berlaku masalah.

"Kami sedang mencari jalan terbaik bagi memikirkan mekanisme baru untuk memastikan usaha kerajaan memberikan bantuan kepada rakyat termiskin akan mencapai matlamatnya.



> "Apapun kita sedang menjalankan kajian ini dan ia akan diumumkan dalam masa terdekat,"
>
> *Ahmad Shabery Cheek*

"Apapun kita sedang menjalankan kajian ini dan ia akan diumumkan dalam masa terdekat," katanya ketika menjawab soalan lisan Er Teck Hwa (DAP-Bakri) di Dewan Rakyat di sini, semalam.



LAPORAN HARIAN METRO MENGENAI PENYELEWENGAN SUBSIDI BERAS ST15

23 Oktober 2014

Setiap bulan dianggarkan 30,000 tan beras subsidi Super Tempatan 15 peratus hancur (ST15) dengan nilai subsidi RM12 juta dipercayai mengalami 'ketirisan' kerana gagal disalurkan kepada rakyat berpendapatan rendah di seluruh negara.

SUBSIDI BERAS RM12J BOCOR SETIAP BULAN

Pantau beras tiris

24 Oktober 2014

Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (BARIM) Ismail Awang mengakui wujud kes penyelewengan beras ST15 dalam kalangan pemborong di negara ini.

21 kena tindakan

25 Oktober 2014

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tidak menolak kemungkinan berlakunya penyelewengan terhadap beras ST15 yang disalah guna pemborong tamak.

'Perlu siasat perkara sebenar'

27 Oktober 2014

Pengarah Komunikasi Korporat Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abd Rahman mengemukakan cadangan diwujudkan satu jawatankuasa khusus mengkaji penyalahgunaan subsidi beras ST15.

31 Oktober 2014

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras mengeluarkan kenyataan bahawa pemeriksaan dan pemantauan pengedaran beras subsidi ditingkatkan terutama di peringkat pemborongan dan peruncitan.

MOA bingkas bertindak

Pantau pemborong, peruncit hasil pendedahan Harian Metro

Bertindak sekarang!

1 November 2014

Presiden Lembaga Pelindung dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM) Prof Datuk Seri Dr Shaharuddin Awang Yahya mengulangi gesaan supaya satu tindakan menyeluruh diambil kementerian bagi mengatasi isu penyelewengan subsidi ST15.

4 November 2014

Seorang bekas pegawai kanan Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) mendedahkan ketirisan dan penyelewengan beras subsidi ST15 berlaku disebabkan rasuah.

TOCI MAKAN BESA[R]

Bekas pegawai kanan BERNAS dedah penyelewengan kuota beras ST15

SPRM digesa segera buka fail

Dapat reaksi positif

5 November 2014

Presiden Transparensi Antarabangsa Malaysia (TI-M) Datuk Akhb[...] menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di[...] menyiasat dakwaan rasuah yang dikatakan menjadi punca berla[...] ketirisan serta penyelewengan dalam penjualan beras subsidi ST[...] ini.

LAPORAN HARIAN METRO MENGENAI PENYELEWENGAN SUBSIDI BERAS ST15

23 Oktober 2014

Setiap bulan dianggarkan 30,000 tan beras subsidi Super Tempatan 15 peratus hancur (ST15) dengan nilai subsidi RM12 juta dipercayai mengalami 'ketirisan' kerana gagal disalurkan kepada rakyat berpendapatan rendah di seluruh negara.

Pantau beras tiris

24 Oktober 2014

Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (BARIM) Ismail Awang mengakui wujud kes penyelewengan beras ST15 dalam kalangan pemborong di negara ini.

21 kena tindakan

25 Oktober 2014

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tidak menolak kemungkinan berlakunya penyelewengan terhadap beras ST15 yang disalah guna pemborong tamak.

'Perlu siasat perkara sebenar'

27 Oktober 2014

Pengarah Komunikasi Korporat Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abd Rahman mengemukakan cadangan diwujudkan satu jawatankuasa khusus mengkaji penyalahgunaan subsidi beras ST15.

Menjawab soalan tambahan mengenai bekalan beras ST15 dikatakan tidak mencukupi di beberapa tempat, Ahli Parlimen Kemaman itu berkata, program beras ST15 itu pada asalnya bersifat sementara yang dibuat kerajaan bagi memastikan golongan termiskin mampu membeli beras pada harga paling rendah.

Ahmad Shabery mengakui ada masalah berlaku apabila ada tempat tidak mendapat bekalan beras itu dan terdapat tempat lain pula berlaku lebihan walaupun kerajaan memperuntukkan kuota 60,000 tan metrik.

Menurutnya, beras ST15 iaitu 15 peratus beras hancur dicampur dengan beras super yang diperkenalkan kerajaan pada 2008 sebagai subsidi untuk golongan termiskin juga menjadi isu apabila dibandingkan dengan rakyat Thailand dan Vietnam yang menggunakan beras lebih elok.

Malah, katanya, ia turut menjadi isu apabila ada warga asing turut membeli beras subsidi untuk rakyat termiskin.

Terdahulu ketika menjawab soalan Er mengenai status 6,029 tan metrik beras ST15 di kilang Dibuk Sdn Bhd di Perlis, Ahmad Shabery berkata, beras berkenaan terpaksa diproses semula syarikat berkenaan dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan kini hanya tinggal 10 peratus lagi untuk diproses.

Harian Metro menyiarkan secara eksklusif dan bersiri mengenai isu penyelewengan dan ketirisan beras ST15 ini sejak 23 Oktober tahun lalu apabila dianggar 30,000 tan bekalan komoditi itu dengan nilai subsidi RM12 juta, dipercayai mengalami ketirisan setiap bulan.

Sumber mendedahkan, hanya 10,000 tan beras berkenaan dibekalkan PadiBeras Nasional Berhad (BERNAS) kepada pemborong dengan harga subsidi RM1,350 setiap tan, 'wujud' di pasaran.

Laporan bersiri itu mendedahkan ujian Makmal Penyelidikan Karbohidrat Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap empat sampel beras 10 kilogram, mendapati semuanya mempunyai peratusan hancur berkali ganda jauh lebih tinggi berbanding yang dicatat pada label.